

Headline	Meninggal dunia selepas melontar		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	22 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	39	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	191 cm <sup>2</sup>
Journalist	Nor Azihan Md Ghazali	AdValue	RM 3,258
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,774



# Meninggal dunia selepas melontar

Seorang jemaah haji alami sesak nafas, cirit-birit

■ NOR AZIHAN MD GHAZALI

**SHAH ALAM** – Seorang jemaah haji meninggal dunia di sebuah hospital di Makkah selang beberapa jam selepas melontar jamrah, pagi semalam.

Mangsa, Razif Jalil, 64, yang juga pesara penjawat awam dari Universiti Malaya (UM), meninggal dunia kira-kira jam 11.30 pagi di Makkah bersamaan jam 4.50 pagi waktu Malaysia.

Anak sulung mangsa, Ridzuan Razif, 34, berkata, dia menerima berita kemati-an bapanya waktu subuh semalam selepas dimaklumkan ibu, Ramlah Brahim, 54, dan pihak Tabung Haji yang menghubunginya.

“Ibu beritahu sebelum itu, bapa batuk teruk masa melontar jamrah, ibu nasihat-kan bapa supaya rehat dan sambung melontar jamrah keesokannya.

“Sekitar jam 2 pagi, kawan sebilik bapa maklumkan kepada ibu yang bapa sesak na-



Razif (tengah) bergambar kenangan bersama isteri (tiga, kiri) dan anak-anak serta rakan sebelum berangkat ke Makkah.

fas serta cirit-birit,” katanya ketika ditemui di rumahnya, di Seksyen 19, di sini semalam.

Menurutnya, bapa segera dikejarkan ke sebuah hospital untuk mendapatkan rawatan lanjut.

“Tapi dia disahkan meninggal dunia tidak lama kemudian dan jenazah disemadi-kan di sana dengan bantuan pengurusan Tabung Haji.

“Kami tak sangka abah akan meninggal dunia ketika mengerjakan haji,” katanya.

Bagaimanapun katanya,

dia dan adik beradik me-lahirkan kesyukuran kerana bapanya meninggal dunia di Makkah ketika mengerjakan Rukun Islam yang kelima.

“Kami juga ingin berterima kasih kepada pihak Tabung Haji yang membantu meng-uruskan jenazah bapa di sana,” katanya.

Menurutnya, bapanya yang menjalankan perusahaan bas sekolah bersama ibu ber-angkat ke Makkah pada 4 Ogos lalu dan dijadualkan kembali ke tanah air 24 September ini.